

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia**

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Mengikut Andaya kuasa ekonomi seseorang itulah yang dapat menentukan kuasa politiknya dalam masyarakat Melayu tradisional. Bahaskan.
2. Bahaskan pernyataan Hanapi Dollah yang mengatakan bahawa perhambaan dalam masyarakat Melayu adalah lebih bercorak institusi sosial dan bukan ekonomi.
3. Pengambilan Sarawak merupakan satu rentetan perkembangan kolonialisme British dan bukan semata-mata hasil pengembaraan seorang individu sahaja. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
4. Hakikat bahawa kerajaan Inggeris di Tanah Melayu telah membebaskan orang-orang Cina dalam perusahaan perlombongan membuktikan bahawa ia telah mengamalkan dasar ekonomi bebas yang sebenarnya. Bahaskan.
5. Sejauhmanakah dasar ekonomi Inggeris di Tanah Melayu telah membahagikan jenis-jenis pekerjaan secara umumnya mengikut kaum-kaum tertentu?
6. Perlaksanaan Rancangan-Rancangan Sekatan Getah Antara Bangsa pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an membuktikan negara-negara pengeluar bahan mentah ini dianggap hanya sebagai negara pinggir kepada negara pusat. Sejauhmanakah perhubungan ini benar jika mengambil Malaysia dan Britain sebagai contoh.

.../2

7. Sejauhmanakah perkembangan kemudahan-kemudahan asas pada zaman pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu merupakan kesinambungan kepada perkembangan dasar ekonomi mereka?
8. Mengikut D.K. Fieldhouse eksplotasi ekonomi di negara-negara tropika oleh penjajah-penjajah adalah satu metos sahaja. Sejauhmanakah ini benar jika dihubungkan dengan perkembangan kuasa British di Sabah.

-00000000-